

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN**  
**IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**  
**TARIKH : 18 JUN 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan tahunan sejak 2008, graduan perubatan, kekosongan pekerjaan di hospital dan klinik Kerajaan serta bangunan hospital dan klinik Kerajaan baru dibina di setiap negeri dan di Malaysia secara keseluruhan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2013, terdapat seramai 9,972 orang Pegawai Perubatan Siswazah sedang mengikuti latihan houseman di hospital KKM dan Hospital Universiti. Bilangan lantikan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah PPS</b>
<b>2008</b>	2,326
<b>2009</b>	3,058
<b>2010</b>	3,252
<b>2011</b>	3,564
<b>2012</b>	3,743
<b>2013</b>	4,991

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dari tahun 2008 - 2013, sebanyak 5 buah hospital baru telah disiapkan serta 3 buah hospital gentian dan 3 buah institusi (Hospital Permai, Hospital Rehabilitasi Cheras dan Institut Kanser Negara). Manakala untuk klinik kesihatan pula, dari tahun 2008 – 2013, sebanyak 132 buah klinik kesihatan baru disiapkan.